

DATE: 17/2/2010



Dr Sharifah
Hapsah

Menyambung perjuangan Tun Fatimah demi perpaduan negara

BH-17/02/2010

Menteri wanita pertama lambang individu miliki semangat berkobar, keazaman kental lihat kesejahteraan rakyat jadi keutamaan

BELIAU menghirup kehidupan di dunia selama 85 tahun, meraikan hari jadinya pada Krismas 2009 bersama-sama keluarga besar yang saling mengasihi, seperti yang sering diamalkannya.

Tun Fatimah Hashim, menteri wanita pertama negara, menghembus nafas terakhir pada 9 Januari lalu dengan penuh ketenangan.

Beliau adalah lambang seorang yang memiliki semangat berkobar dan keazaman wanita yang kental pada zaman awal perjuangan kemerdekaan, kemudian memikul tanggungjawab membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu. Beliau memilih politik sebagai pendekatan menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat, khususnya dalam membela golongan wanita.

Mengemudi pergerakan Kaum Ibu (kemudian dikenali Wanita Umno) selama 16 tahun, beliau memperluaskan penyertaan pada peringkat akar umbi dan seterusnya berjaya mengangkat kedudukan pergerakan itu sebagai sayap utama dalam Umno.

Selain pembabitan menerusi saluran politik, Fatimah juga mengorbankan masa dan tenaganya menyusun gerakan wanita dalam sektor bukan kerajaan. Bersama rakan seperjuangan, terutama Datuk Rasammah Bhupalan, mereka mengasaskan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) pada 1963 dan beliau dilantik sebagai presidennya selama 24 tahun.

Kejayaan beliau dalam mengangkat kedudukan wanita dikaitkan dengan keupayaan luar biasa beliau dalam kepengurusan, kefahaman mendalam terhadap kemanusiaan serta pendekatan penuh berhemah, namun tegas dalam menangani segala isu dalam masyarakat pada waktu itu. Itulah kekuatan Fatimah sebenarnya.

Beliau akan memperoleh apa yang diinginkannya, dengan tutur kata yang lembut dan ketegasan yang terpancar di matanya. Justeru,

sukar untuk mengatakan 'tidak' kepadanya. Pelantikan beliau sebagai menteri pada Mei 1969 berlaku sembilan hari selepas negara menghadapi krisis perkauman paling buruk.

Dalam masa suram itulah beliau menyaksikan betapa pentingnya peranan wanita yang berani dan bersedia mengembleng usaha merentasi garis perkauman dalam membantu mangsa rusuhan kaum serta memastikan keharmonian dipulihkan untuk kembali mewujudkan kesejahteraan negara.

Terlalu banyak yang boleh dipelajari daripada Fatimah dan generasinya yang mengasaskan negara ini.

Mereka, bersama Tunku Abdul Rahman, Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia, bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk mencapai kemerdekaan dan pemerintahan sendiri pada 1957 secara aman, tanpa pertumpahan darah seperti dialami perjuangan negara jiran kita.

Dengan penuh hikmah, bijaksana dan pandangan jauh ke hadapan, mereka berunding dan berbincang dengan pelbagai pihak untuk melakar perlembagaan negara berasaskan semangat tolak ansur yang dikenali sebagai kontrak sosial. Bagi mereka, yang diutamakan adalah kepentingan matlamat bersama, bukan kepentingan kelompok sendiri - memperjuangkan kemakmuran sebagai destinasi yang dikongsi bersama dalam sebuah negara bangsa yang dibentuk dengan acuan sendiri.

Dalam kita menanggapi keadaan semasa, marilah kita merenung sejenak dan mengenang Fatimah, Tunku dan beberapa pelopor lain dengan mengimbau perasaan dan tindakan kita sendiri, dengan secara jujur menilai sama ada kita benar-benar bergerak menggenapi wawasan mereka, dan menjalani kehidupan berasaskan semangat dan aspirasi Merdeka.

Sebagai kanak-kanak pada 1957, konsep Merdeka mungkin belum difahami secara menyen-



Fatimah Hashim

luruh, namun semangatnya dapat dicerap dengan begitu hebat. Di sekolah, kita bergaul dan mempunyai sahabat pelbagai kaum dan kepercayaan. Kita memiliki rasa kesetiaan yang mendalam terhadap negara dan kebanggaan yang segar akan bendera kita.

Kita berasa kesepaduan bersama teman se-warga negara. Di luar sekolah, kita kunjung mengunjungi dan ibu bapa amat berhati-hati dalam menghidang makanan demi menjaga sensitiviti keagamaan.

Bagaimanapun, entah mengapa dan di mana silapnya, suasana ini berubah. Kini generasi saya termangu keliru dengan ketidakupa-

yaan sekolah rendah kita mengembangkan sosialisasi di kalangan kanak-kanak berbilang kaum, ketidakfasihan bertutur dalam bahasa kebangsaan, serta prasangka agama, kaum dan budaya yang berterusan dalam masyarakat.

Profesor Shamsul Amri, antropologis di Institut Kajian Etnik (Kita) Universiti Kebangsaan Malaysia berhipotesis, 'Hubungan etnik di dalam masyarakat kita berada dalam keadaan ketegangan yang stabil.' Kanak-kanak terbesar di dalam ketegangan yang stabil, tanpa kefahaman, hanya sekadar bertoleransi terhadap budaya lain, dan memanjangkan apa yang mereka pelajari dan alami.

Malangnya, dalam keadaan ketegangan stabil sedemikian, polarisasi masyarakat mudah tercetus akibat hanya seorang dua individu bersuara lantang mengenai apa yang mereka suka ucapkan, inginkan atau lakukan.

Pendekatan perundangan tidak mampu menyelesaikan semua permasalahan. Perlembagaan mengingatkan akan tanggungjawab kita. Seandainya sesuatu isu dipertahankan berdasarkan perlembagaan, ini tidak bermakna permasalahan itu sudah diselesaikan. Kita harus mengakui bahawa kita sudah menempah kemajuan besar dalam merapatkan jurang antara kelompok terbesar di negara kita.

Oleh itu, janganlah kita menoleh ke belakang dan masuk ke dalam kepompong perkauman dan kepercayaan sendiri. Ini akan hanya menyemarakkan benih curiga dan prasangka yang menghalang kita daripada menyempurnakan proses membina negara bangsa.

Dalam mengupas gagasannya mengenai 1Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berulang kali mengingatkan kita akan kepentingan perpaduan sebagai formula asas untuk perkembangan sosial dan kemajuan ekonomi. Inilah sebenarnya landasan kukuh untuk mencapai Wawasan 2020.

Semangat 1Malaysia bermula daripada era Tunku Abdul Rahman lagi. Ia akan terus berkembang subur seandainya kita bersedia untuk memahami sensitiviti dan membincangkan semua isu dengan pendekatan rasional, sama ada ia bersifat teologikal, linguistik, sosial atau sejarah. Cabaran pertelingkahan etnik yang kompleks memerlukan pelbagai pendekatan strategik. Institusi seperti Kita mampu menawarkan analisis yang kritikal dan objektif untuk menjana cadangan bernas demi perhubungan antara kaum yang berkekalan, saksama, stabil dan harmoni di kalangan warga Malaysia dan seluruh dunia.

Marilah kita bergerak untuk tidak mengecewakan Fatimah, Tunku, Tun Razak, Tun T Sambanthan, Tun Tan Cheng Lock dan semua pemimpin besar yang mengimpikan seluruh rakyat di negara ini, yang tua dan muda, yang bangsawan dan kebanyakan, golongan konservatif dan liberal, demikian juga lelaki dan wanita daripada semua kaum dan lapisan, berbahagia hidup bersama sebagai ahli dalam sebuah keluarga yang besar.

Kita mesti berusaha memenuhi harapan mereka dengan memulakannya dalam keluarga kita terlebih dulu, di tempat kerja dan masyarakat kita sendiri. Kita perlu melakukannya dengan segera tanpa berlengah lagi, kerana negara bangsa yang masih belum utuh dan rakyat yang belum bersatu padu sepenuhnya, dengan mudah saja boleh terheret dan tenggelam dalam kancang perubahan pada peringkat negara dan global.

Setiap seorang daripada kita berupaya merempuh halangan psikologi dan sempadan budaya, benar dan yang dipersepsikan, untuk bergerak ke hadapan sebagai 1Malaysia, seperti ditunjukkan oleh Tunku dan teman seperjuangannya pada separuh abad yang lalu.

Tan Sri Dr Sharifah Hapsah ialah Naib Canselor UKM



mm

Terlalu banyak yang boleh dipelajari

daripada Fatimah dan

generasinya yang mengasaskan negara ini. Mereka, bersama Tunku Abdul Rahman, Bapa Merdeka dan Bapa Malaysia, bekerja tanpa mengenai penat lelah untuk mencapai kemerdekaan dan pemerintahan sendiri pada 1957 secara aman, tanpa pertumpahan darah seperti dialami perjuangan negara jiran kita"

"Dalam mengupas gagasannya mengenai

1Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berulang kali mengingatkan kita akan kepentingan perpaduan sebagai formula asas untuk perkembangan sosial dan kemajuan ekonomi. Inilah sebenarnya landasan kukuh untuk mencapai Wawasan 2020"